

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 28/02/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 10

Tajuk : 600 koperasi kredit patuh syariah menjelang 2022

600 koperasi kredit patuh syariah menjelang 2022

BANGI - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) menyasarkan sebanyak 600 koperasi kredit akan melaksanakan 100 peratus skim kewangan patuh syariah menjelang tahun 2022.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, sistem tersebut yang lebih telus penting bagi meningkatkan keyakinan dalam kalangan peminjam sekali gus mampu meningkatkan jumlah pendapatan koperasi terlibat.

"Sehingga kini, lebih 200 koperasi kredit yang berjaya mendapat pengiktirafan Angkasa dalam penawaran pinjaman

kredit mematuhi sistem kewangan patuh syariah.

"Patuh syariah bersifat sejagat. Sehingga kini, kita telah mulakan dengan produk patuh syariah yang telah menerima pengiktirafan daripada kerajaan sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penutup Konvensyen Kebangsaan Kewangan Islam 2019 yang berlangsung dua hari di Hotel Tenera di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Presiden merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Pembangunan Syariah Angkasa,

Datuk Kamarudin Ismail dan Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia cawangan negeri Selangor, Rusli Jaafar.

Abdul Fattah yang juga merupakan Presiden ASEAN Co-operative Organisation (ACO) berkata, sebanyak RM400 juta aliran tunai setiap bulan yang dicatatkan koperasi kredit di bawah Angkasa yang melaksanakan skim pembiayaan kewangan syariah.

"Ia sekali gus membuktikan sistem ini diterima banyak pihak termasuk golongan bukan beragama Islam.

"Kita akan terus menggandakan usaha ini kerana sistemnya yang lebih telus berbanding konvensional," ujarinya.



ABDUL FATTAH (tiga dari kiri) menyerahkan siji Pematuhan Syariah 2018 sempena Konvensyen Kebangsaan Kewangan Islam di Hotel Tenera di Bandar Baru Bangi semalam.